

29 JUN 2001

Mahathir-Permatang Pauh

DR MAHATHIR YAKIN PENGUNDI BN PERMATANG PAUH SUDAH BERUBAH

BUKIT MERTA JAM, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin pengundi Barisan Nasional (BN) terutamanya orang Melayu di Permatang Pauh sudah berubah dan semakin komited terhadap kerajaan.

Beliau berkata sikap mereka semakin berubah dan kini bersemangat untuk memperjuangkan nasib bangsa, agama dan negara berbanding ketika pilihan raya 1999.

"Pada 1999, benda ini (merujuk kepada pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim) baru saja berlaku, ramai yang rasa kecewa kerana mereka tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku," katanya kepada pemberita pada akhir lawatan rasmi dua hari ke Pulau Pinang, di sini, hari ini.

Beliau berkata cara mereka bercakap dan menyoal yang kini berubah membuktikan bahawa fikiran mereka telah berubah selepas mendengar penjelasan berhubung perkara itu.

Dr Mahathir juga menasihatkan pemimpin Umno bahagian itu supaya mengetepikan perbezaan pendapat termasuk perbezaan yang berlaku semasa pemilihan jawatan dalam parti.

"Sebaliknya, mereka perlu memberi tumpuan kepada perjuangan Umno untuk mencapai matlamat Umno yang berkaitan dengan bangsa, agama dan negara," kata beliau.

Perdana Menteri berkata perjuangan untuk negara mencapai kemajuan kini boleh dibanggakan manakala perjuangan mengenai agama masih lagi diputarbelitkan oleh parti pembangkang.

"Perjuangan berkaitan pencapaian bangsa masih tidak memuaskan dan kita tidak dapat 30 peratus seperti yang diperuntukkan dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kita perlu buat banyak lagi bagi mengatasi masalah kemiskinan di kalangan orang Melayu," kata beliau.

Anwar adalah bekas Anggota Parlimen Permatang Pauh dan pada pilihan raya 1999, Umno tewas kepada Parti Keadilan Nasional bagi kerusi Parlimen kawasan itu.

Mengenai lawatan beliau ke negeri ini, Perdana Menteri berkata beliau berpuas hati dengan sambutan yang diberikan oleh pemimpin dan anggota parti komponen BN yang memberikan sokongan padu dan mendengar ucapannya dengan begitu serius.

Ini menunjukkan mereka bersemangat untuk meneruskan perjuangan Umno dan BN serta memberi petanda yang baik bagi masa depan parti.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

-- BERNAMA

SA AZE NAK